

**NO SOALAN :34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL  
(KUALA KEDAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 05.11.2015**

**Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) :-

(a) jumlah dana sepenuhnya, cara dan tempat dana dilaburkan, dan

(b) perkembangan dana 5 tahun terakhir.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Jumlah Dana Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) setakat 30 September 2015 ialah RM117,764.04 bilion. Jumlah dana KWAP tersebut termasuk pelaburan dalam ekuiti sebanyak RM44,236.61 bilion (37.56%), Pinjaman dan Sekuriti Hutang Persendirian sebanyak RM32,144.36 bilion (27.30%), Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM29,099.21 bilion (24.71%), Deposit Pasaran Wang sebanyak RM6,162.34 bilion (5.23%) dan Pelaburan Alternatif sebanyak RM6,121.52 bilion (5.20%).
- b) Perkembangan dana KWAP bagi lima tahun terakhir adalah sebanyak RM48.42 bilion iaitu bagi tahun 2010, jumlah dana adalah sebanyak RM69.34 bilion, tahun 2011 meningkat sebanyak RM9.82 bilion kepada RM79.16 bilion, tahun 2012 meningkat sebanyak RM9.89 bilion kepada RM89.05 bilion, tahun 2013 meningkat sebanyak RM10.8 bilion kepada RM99.85 bilion, tahun 2014 meningkat sebanyak RM10.65 bilion kepada RM110.50 bilion dan bagi tahun 2015 iaitu setakat 30 September 2015

terdapat peningkatan sebanyak RM7.26 bilion yang menjadikan jumlah dana KWAP keseluruhan RM117.76 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 35**

**Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah status terkini siasatan tragedi pesawat MH17 dan juga MH370.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status terkini siasatan tragedi pesawat MH17 adalah bagi siasatan teknikal, laporan *Dutch Safety Board* (DSB) yang telah dikeluarkan pada 13 Oktober 2015 telah mengumumkan hasil siasatan teknikal berhubung nahas pesawat MH17 yang berpunca daripada peledak *warhead* model 9N314M yang digunakan oleh peluru berpandu jenis 9M38 yang dipasang pada peluru berpandu BUK. Manakala, bagi siasatan jenayah oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Belanda dan disertai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine sedang dilaksanakan dan dijangka akan berterusan sehingga tahun 2016.

Bagi tragedi pesawat MH370, tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mendapatkan semula MH370 telah dibahagikan kepada 4 fasa utama iaitu Fasa Transisi (*Transition Phase*), Fasa Ukur Batimetrik (*Bathymetric Survey Phase*), Fasa Pencarian Laut Dalam (*Deep Sea Search Phase*) dan Fasa Dapatan Semula (*Recovery Phase*). Fasa Transisi telah berakhir pada 31 Mei 2014 tanpa sebarang serpihan atau bangkai pesawat yang dijumpai.

Operasi pencarian laut dalam di kawasan pencarian utama yang diketuai oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) menggunakan kapal *Fugro Discovery*, *Fugro Equator*, *Fugro Supporter* dan *GO Phoenix* telah dilaksanakan bermula pada akhir bulan September 2014. Kapal-kapal ini yang dilengkapi *side scan sonar*, *synthetic aperture sonar*, *multi-beam echo sounder* dan *video*

*camera* akan digunakan untuk mengenal pasti lokasi dan identiti pesawat MH370.

Semasa Mesyuarat *Tripartite* Peringkat Menteri dan Pegawai Kanan yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15 dan 16 April 2015, pihak Australia, Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) telah bersetuju supaya kawasan pencarian sedia ada diperluas kepada 60,000 km<sup>2</sup> lagi menjadikan jumlah keseluruhan kawasan pencarian adalah seluas 120,000 km<sup>2</sup>.

Sehingga 20 Oktober 2015, operasi pencarian laut dalam telah dilaksanakan dalam kawasan pencarian yang merangkumi kawasan seluas 70,865 km persegi.